

# Debat Najib-Anwar 12 Mei ini

Program yang berlangsung di UM itu akan membincangkan tiga bahagian utama

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

KUALA LUMPUR

**D**ebat Perdana antara Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membincangkan tiga bahagian utama pada 12 Mei ini di Dewan Tunku Canselor, Universiti

Malaya.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fahmi Fadzil dan Ketua Penerangan

Barisan Nasional (BN) Selangor, Isham Jalil dalam satu sidang media pada Ahad.

Fahmi berkata, bahagian pertama membincangkan isu membabitkan permasalahan syarikat minyak dan gas, Sapura Energy Bhd (SEB).

“Kedua, berhubung ‘Masa Depan Malaysia’ merangkumi aspek ekonomi, politik, urus tadbir serta hala tuju negara.

“Ketiga, sesi soal jawab,” katanya dalam satu sidang media pada Ahad.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, acara tersebut dijangka akan berlangsung selama dua jam bermula pada 9 malam hingga 11 malam.

Menurutnya, acara tersebut dapat disaksikan secara langsung, sama ada melalui saluran media-media yang akan diumumkan kemudian atau secara fizikal di atas jemputan



Isham (kiri) dan Fahmi dalam sidang media Debat Perdana antara Najib dan Anwar pada Ahad.

Anwar dan Najib.

“Kami percaya ramai yang menantikan Debat Perdana ini. Ia juga akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk

menilai dan meraikan idea, hujah serta pandangan yang berbeza, dalam suasana aman yang mencerminkan budaya berpolitik lebih matang,” ujarnya.

Dalam pada itu, Isham berkata, dari segi kapasiti, seramai 500 orang pengunjung yang dibenarkan untuk menghadiri acara debat berkenaan.

“Untuk penjarakan sosial, di tingkat bawah (boleh memuatkan) kira-kira 300 lebih pengunjung manakala, tingkat atas ada dalam 100 lebih. Jadi dianggarkan dalam 500 pengunjung boleh ditempatkan dalam dewan ini.

“Jemputan juga akan dibahagi kepada satu pertiga melibatkan jemputan daripada pihak Anwar, pihak Najib dan tetamu-tetamu kehormat dan rakan media.

“Di luar dewan itu juga ada kawasan dan kita akan pasang khemah serta skrin besar untuk disiarkan kepada mereka yang hadir di lokasi kerana di dalam dewan ada kekangan (kapasiti jemputan),” katanya.